



## PERATURAN AM & PERMAINAN VARSITY BOAT RACE 2022

### 1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Varsity Boat Race 2022 (VBR 2022).

### 2. PENGELOLA

2.1 VBR ini dikelolakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama dari :-

- 2.1.1 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- 2.1.2 Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- 2.1.3 Persatuan Mendayung Malaysia (PERDAMA)
- 2.1.4 Persatuan Kayak Malaysia (MASCA)
- 2.1.5 Perbadanan Putrajaya

2.2 Bagi maksud pengelolaan, KPT bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan serta aktiviti sukan kepada satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh KPT.

2.3 Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan VBR kepada badan / persatuan sukan yang terlibat dalam pengelolaan VBR.

### 3. KELAYAKAN

3.1 Semua IPT yang bernaung dibawah KPT termasuk pasukan jemputan layak menyertai VBR.

3.1.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Pra U, Asasi, Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti adalah layak untuk menyertai VBR.

3.1.2 Semua pelajar yang berdaftar (kursus 2 tahun dan lebih) dan menghadiri kursus secara sepenuh masa di peringkat sijil di Kolej Komuniti adalah layak menyertai VBR.

3.1.3 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Pasca Siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Universiti masing-masing.

3.1.4 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus pra persediaan dibawah program *Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB)* bagi Pra Sains dan Pra Perdagangan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Politeknik adalah layak menyertai VBR.



- 3.1.5 Seorang (1) pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan bagi mewakili institusi di mana beliau mendaftar sebagai pelajar.
- 3.1.6 Had kelayakan umur atlit adalah di antara 18 tahun dan ke atas. Manakala had kelayakan umur kategori Junior adalah 13 hingga 18 tahun.
- 3.1.7 Pelajar tahun akhir hanya layak mewakili pasukan IPT masing-masing sehingga semester baru dibuka (Kecuali Semester Khas)
- 3.2 Jawatankuasa pengelola berhak untuk menjemput mana-mana IPT tempatan dan IPT / Universiti dalam / luar negara untuk menyertai VBR.
- 3.3 Seseorang pemain, pegawai atau pasukan yang digantung permainannya oleh badan-badan di bawah tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini sepanjang tempoh penggantungan.
  - 3.3.1 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
  - 3.3.2 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)
  - 3.3.3 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)
  - 3.3.4 Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM)
  - 3.3.5 Persatuan Sukan Negeri
  - 3.3.6 Persatuan Sukan Kebangsaan

#### **4. AKREDITASI**

- 4.1 Semua pasukan akan menggunakan pendaftaran secara manual dan online yang dikeluarkan oleh pihak pengelola.
- 4.2 Salinan pendaftaran / kelayakan akademik pasukan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah atau Ketua Pusat / Unit / Jabatan Sukan beserta pengesahan daripada bahagian akademik pelajar.
- 4.3 Setiap pasukan dimestikan menyerahkan borang pendaftaran / kelayakan akademik pasukan, borang pengesahan peserta (I-Form), salinan kad pelajar dan salinan kad pengenalan / passport kepada Jawatankuasa TAC semasa mengambil Kad Akreditasi.
- 4.4 Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad pelajar sepanjang Kejohanan VBR dijalankan.
- 4.5 Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kad pelajar bagi disemak oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan pada bila-bila masa di sepanjang tempoh kejohanan.
- 4.6 Hanya pemain yang berdaftar di dalam borang pengesahan atlit mengikut permainan sahaja layak mengambil bahagian.



- 4.7 Sebarang pertukaran pegawai / pemain selepas tarikh tutup pendaftaran individu akan dikenakan denda seperti berikut :
- 4.7.1 Selepas tarikh tutup pendaftaran individu (I-Form) sehingga seminggu sebelum taklimat pengurus-pengurus pasukan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**.
- 4.7.2 Pertukaran kategori bagi setiap acara dibenarkan dibuat **7 hari** sebelum taklimat pengurus pasukan. Hanya kategori yang telah berdaftar sahaja dibenarkan untuk pertukaran. Setiap pertukaran kategori akan dikenakan denda sebanyak **RM30.00**.
- 4.7.3 Pertukaran pemain yang mengalami kecederaan boleh dibuat 7 hari sebelum taklimat pengurus pasukan sehingga sehari sebelum taklimat dengan disertakan pengesahan dari pihak Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan / Klinik Kerajaan dan dikenakan denda sebanyak **RM30.00**.
- 4.7.4 Kad yang hilang / rosak akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00** bagi setiap penggantian kad yang baru.
- 4.7.5 Semua bayaran hendaklah dibuat secara **tunai** kepada **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan VBR**.
- 4.8 Penggunaan Kad Akreditasi akan digunakan sepanjang kejohanan berlangsung.

## 5. PENGESAHAN PENYERTAAN

- 5.1 Tarikh Pengesahan Penyertaan :

Pengesahan Penyertaan Umum (General Entry) - **23 September 2022**

Pengesahan Penyertaan Akhir (Final Entry) - **14 Oktober 2022**

## 6. ACARA DAN KATEGORI

- 6.1 Acara dan kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut :

Rowing (2000m)			
M1X	Men Single Scull	W1X	Women Single Scull
LM2X	Lightweight Men Double Scull	LW2X	Lightweight Women Double Scull
M4-	Men Coxless Four	W4-	Women Coxless Four
M8+	Men Coxed Eight		



Rowing Junior (2000m)			
JM1X	Junior Men Single Scull	JW1X	Junior Women Single Scull
JM2X	Junior Men Double Scull	JW2X	Junior Women Double Scull

Rowing Alumni (2000m)	
ALM8+	Alumni Men Coxed Eight
ALW4-	Alumni Women Coxless Four

Kayak (500m)			
MK1	Men K Single	MK2	Men K Double
WK1	Women K Single	WK2	Women K Double
MTK1	Men TK Single	MTK2	Men TK Double
WTK1	Women TK Single	WTK2	Women TK Double

Indoor Rowing IPT			
Acara Terbuka Lelaki		Acara Terbuka Wanita	
Individu	1000m	Individu	1000m
Pair Relay	2000m	Pair Relay	2000m
Four Relay	2000m	Four Relay	2000m

## 7. BILANGAN PEGAWAI / PESERTA

7.1 Bilangan pendaftaran penyertaan setiap pasukan dan pegawai terlibat di dalam kategori ini adalah seperti berikut :

BIL.	SUKAN	PENYERTAAN	BILANGAN	JUMLAH
1	ROWING (VARSITY)	Pegawai / Jurulatih Rowers Lelaki Rowers Wanita	2 7 + 2 7 + 1	19
2	ROWING (JUNIOR / SEKOLAH)	Pegawai / Jurulatih Rowers Lelaki Rowers Wanita	2 3 + 1 3 + 1	10
3	ROWING (ALUMNI)	Pegawai / Jurulatih Rowers Lelaki Rowers Wanita	1 9 + 1 4 + 1	16
4	KAYAK (K)	Pegawai / Jurulatih Paddlers Lelaki Paddlers Wanita	2 3 + 3 3 + 3	14
5	KAYAK (TK)	Pegawai / Jurulatih Paddlers Lelaki Paddlers Wanita	2 3 + 3 3 + 3	14
6	INDOOR ROWING TERBUKA IPT	Pegawai / Jurulatih Rowers Lelaki Rowers Wanita	2 7 7	16
<b>JUMLAH</b>				<b>89</b>



## 8. REFERI KEHORMAT / KETUA PENGADIL

- 8.1 Juri pertandingan ini terdiri dari Persatuan Mendayung Malaysia (PERDAMA) dan Persatuan Kayak Malaysia (MASCA). Juri hendaklah memastikan pertandingan dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- 8.2 Keputusan juri dalam pertandingan Varsity Boat Race 2022 adalah muktamad.

## 9. PAKAIAN

- 9.1 Setiap pemain / pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan sahaja dalam undang-undang permainan berkenaan.

## 10. BOT & PERALATAN

- 10.1 Peralatan rowing, rowing machine dan kayak disediakan oleh pihak penganjur tetapi jika peserta hendak menggunakan peralatan sendiri seperti dayung, facing vest, rowing dan kayak adalah dibenarkan.
- 10.2 Bot Rowing akan disediakan dengan bilangan yang terhad dan ia memiliki pelbagai saiz tempat duduk dengan susunan yang berbeza. Memandangkan penyediaan bot adalah terhad, sesetengah peserta mungkin terpaksa berkongsi peralatan tersebut dengan pasukan lain.
- 10.3 Keselamatan bot dan peralatan rowing, rowing machine dan kayak adalah dibawah tanggungjawab pasukan. Kos sebarang kerosakan peralatan mestilah ditanggung oleh pasukan yang bertanggungjawab.

## 11. SISTEM PERTANDINGAN

- 11.1 Perlumbaan akan dijalankan di bawah Peraturan FISA (International Rowing Federation) Rowing, Indoor Rowing dan ICF (International Canoe Federation) Kayak.
- 11.2 Acara rowing akan dijalankan di laluan enam lorong dengan ukuran lebar 13.5m dan ukuran jarak 2000m. Manakala acara kayak ukuran jarak adalah 500m.
- 11.3 Rowing - Jika enam atau kurang penyertaan dalam satu acara, maka acara itu akan terus ke acara akhir. Sekiranya terdapat lebih daripada enam penyertaan (kru) dalam sesuatu acara, saringan akan diadakan.
- 11.4 Indoor Rowing - Jika terdapat kurang daripada tiga pasukan yang menyertai dalam satu acara, acara tersebut akan dibatalkan. Pemenang akan ditentukan melalui masa yang terpantas.



- 11.5 Kayak - Jika terdapat kurang daripada tiga pasukan yang menyertai dalam satu acara, acara tersebut akan dibatalkan tetapi jika terdapat lebih daripada enam pasukan dalam sesuatu acara, saringan akan diadakan.
- 11.6 Setiap peserta bagi acara Rowing hanya dibenarkan bertanding satu acara sahaja kecuali bagi acara Men's Eight (M8+) dimana penyertaan berganda (Double Entry) adalah dibenarkan. Bagi kategori kayak, setiap pasukan boleh menghantar sebanyak 2 penyertaan bagi setiap acara. Tetapi penyertaan berganda (Double Entry) tidak dibenarkan. Manakala bagi kategori indoor rowing pula tiada penyertaan berganda dibenarkan.

## **12. KELEWATAN**

- 12.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan.
- 12.2 Hukuman kepada pasukan yang lewat mengikut jadual yang telah ditetapkan akan mengikut peraturan permainan berkenaan.

## **13. PENANGGUHAN**

- 13.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan / dijadualkan sama sekali tidak boleh diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 13.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.
- 13.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan VBR hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

## **14. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH**

- 14.1 Setiap pasukan / individu dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.
- 14.2 Jika berlaku kecederaan sebelum perlawanan maka pasukan / pemain terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan maka pasukan / pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.



## 15. BANTAHAN

- 15.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disahkan oleh Ketua Kontigen atau wakil IPT berkenaan dan hendaklah diserahkan kepada Penyelaras Teknikal Permainan berkenaan untuk dipanjangkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan VBR dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan atau mengikut masa yang ditetapkan oleh permainan tersebut dengan disertakan wang tunai sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) sebagai cagaran dan yuran proses.
- 15.2 Wang cagaran itu akan hilang dan menjadi pendapatan penganjur sekiranya bantahan itu tidak diterima.
- 15.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang cagaran sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja) akan dikembalikan dan RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) sebagai yuran proses.
- 15.4 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.
- 15.5 Semua bukti ke atas bantahan perlulah dikemukakan oleh pihak yang membantah atau merayu kepada jawatankuasa yang ditubuhkan.
- 15.6 Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.

## 16. JAWATANKUASA BANTAHAN TERDIRI DARIPADA 5 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA SEPerti BERIKUT:-

- 16.1 Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan VBR atau Wakil.
- 16.2 Penyelaras Teknikal Permainan VBR yang berkenaan.
- 16.3 Tiga orang Pengurus Pasukan permainan berkenaan yang berkecuali.

## 17. SIJIL

Sijil Penyertaan akan disediakan oleh penganjur dan akan diberi kepada semua peserta.

## 18. HADIAH

- 18.1 Hadiah akan diberikan kepada tempat pertama, kedua dan ketiga setiap acara akhir.



## 19. DENDA

19.1 Mana-mana pasukan yang mendaftarkan pemain yang tidak layak bermain tindakan akan diambil seperti berikut :

19.1.1 Penyertaan pada kejohanan tersebut akan dibatalkan.

19.1.2 Penyertaan pada edisi tahun berikutnya akan digantung.

19.2 Penarikan diri pasukan setelah jadual pertandingan dibuat akan menyebabkan pasukan tersebut digantung penyertaan pada edisi tahun berikutnya bagi acara berkenaan sahaja.

19.3 Penarikan diri pasukan semasa pertandingan berlangsung akan menyebabkan penyertaan pada kejohanan tersebut akan dibatalkan.

## 20. PENGINAPAN DAN MAKAN MINUM

20.1 Penginapan dan makan minum sepanjang kejohanan **tidak disediakan** oleh pihak penganjur.

## 21. PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

21.1 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan **TIDAK DIBENARKAN** semasa Taklimat Pengurus Pasukan.

21.2 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.

21.3 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan Am ini yang melibatkan kes/isu Wabak COVID-19 akan merujuk kepada SOP Perubatan berkaitan wabak COVID-19.

21.4 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan VBR dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.